

# APK asah bakat keusahawanan mahasiswa UMS

Oleh YAP SIONG HAN  
sionghan\_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: Mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaysia Sabah (UMS) digalakkan untuk menceburi ekspo keusahawanan kerana ia tidak hanya khusus kepada mahasiswa yang mengambil aliran ekonomi, tetapi juga kepada mereka dari aliran sastera.

Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Prof. Madya Dr. Ismail Ali, berkata program Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) merupakan satu pentas kepada Mahasiswa-mahasiswi menunjukkan hasil usaha mereka kepada semua.

Menurutnya, melalui program ini, para mahasiswa dapat menonjolkan bakat masing-masing kepada semua warga UMS. Mereka dialu-alukan untuk melibatkan diri dalam ekspo ini walaupun sekali sebelum mereka tamat pengajian.

"Melalui program ini, kita berharap nilai-nilai keusahawanan dapat diterapkan di kalangan warga UMS serta melatih mereka dalam mengendalikan organisasi perniagaan sendiri bagi meningkatkan kemahiran insaniah," katanya ketika berucap di perasmian Ekspo Asas Pembudayaan Keusahawanan ke-4 kelmarin. Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Dekan PPIB Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng.

Selain itu, katanya, kejayaan pelaksanaan program itu adalah satu wadah yang terbaik untuk menyemai semangat perpaduan di kalangan warga UMS serta masyarakat dan seterusnya menjadi tunggak kejayaan setiap organisasi yang mereka tunjangi.



SEKRETARIAT...Pensyarah PPIB, Chang Mui Ling (enam kanan) Lee (lima kanan) bersama barisan penganjur ekspo APK UMS.



JAMES LEE

Sementara itu, Pengarah ekspo, James Lee Cheng Sin, berkata program yang diadakan setiap semester adalah untuk mencungkil bakat-bakat Warga UMS dalam menghadapi cabaran perniagaan pada masa akan datang serta mempelajari kemahiran insaniah seperti kerja berpasukan.

Menurutnya, terdapat lima sekolah yang mengikuti ekspo ini iaitu; Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Sekolah Sains Sosial (SSS), Sekolah Pengajian Seni (SPS), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS),



LAWATAN...(dari kiri) Lai, Salleh dan Lee mengadakan lawatan ke gerai ekspo APK.

serta Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS)

"Secara keseluruhannya terdapat 182 kumpulan yang terdiri daripada 10 ahli setiap kumpulan dan disertai oleh pelbagai lapisan kaum yang berbeza serta bekerjasama menjayakan ekspo APK ini.

"Penglibatan dari pelbagai kaum adalah satu cara untuk mengeratkan hubungan antara kaum seterusnya dapat memupuk semangat satu Malaysia yang disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Abdul

Razak," jelasnya.

Tambahnya lagi, jenis perniagaan yang terdapat di ekspo ini adalah seperti makanan, minuman, kraftangan serta permainan yang kreatif dan inovatif di samping mempelawa beberapa peniaga luar untuk bersama-sama memeriahkan lagi suasana ekspo ini.

Turut hadir Pengarah Unit Pembangunan dan Keusahawanan Universiti Malaysia Sabah, Mat Salleh dan Penyelaras Kursus APK, Chiew Tung Moi.